

Surat Persendirian Baginda Omar Sebagai Karangan Tinggi Seperti Diajukan Oleh Za'ba

The Private Letter Of Baginda Omar As A Work Of High-Quality Writing According To Za'ba

MOHD FAIZAL MUSA

ABSTRAK

Surat Persendirian Baginda Omar disenaraikan di bawah program Memory of the World Committee for Asia and the Pacific (MOWCAP) Regional Register dan merupakan pengiktirafan tertinggi di peringkat Asia Pasifik bagi kategori manuskrip dan dokumentari warisan. Ia adalah himpunan surat-menyurat daripada pemerintah Terengganu, Tengku Omar Ibni Sultan Ahmad Shah I, Sultan Terengganu Darul Iman IX (1839–1876), yang juga dikenali sebagai Baginda Omar. Koleksi ini terdiri dari 55 pucuk surat asal dan satu pengisytiharan rasmi merentasi lima dekad penuh pergolakan (1844–1893) dalam sejarah Terengganu. Makalah ini akan menyorot surat-surat persendirian ini sebagai 'Karangan Tinggi' menurut kerangka yang dikemukakan oleh Zainal Abidin Ahmad atau Za'ba seperti mana diketengahkan oleh beliau dalam Ilmu Mengarang Melayu (1934) di mana surat diplomatik, memorandum keluarga, arahan perniagaan, dan maklumat siasah di dalam khazanah Sultan Omar ini akan dikupas berdasarkan pertama, persediaan isinya; kedua, rangka karangan; ketiga, pembatas karangan; dan akhir sekali menyorot pembuka dan penutup karangan. Kupasan ini adalah bersandarkan sebahagian warkah diraja koleksi terbitan Yayasan DiRaja Sultan Mizan dengan suntingan oleh Raimy Ché-Ross. Pengkaji mendapati Surat Persendirian Baginda Omar dapat diangkat dan dijadikan panduan selaku 'Karangan Tinggi' untuk rujukan pengkaji dan diajukan sebagai bahan bacaan pelajar sekolah menengah.

Kata Kunci: Surat Persendirian Baginda Omar; Karangan Tinggi; Ragam Bahasa; Za'ba; Subjek Bahasa Melayu di Sekolah

ABSTRACT

The Private Letters of Baginda Omar have been inscribed in the Memory of the World Committee for Asia and the Pacific (MOWCAP) Regional Register an esteemed recognition of documentary and manuscript heritage at the Asia-Pacific level. This collection comprises the correspondence of Tengku Omar Ibni Sultan Ahmad Shah I, the ninth Sultan of Terengganu Darul Iman (1839–1876), also known as Baginda Omar. It consists of 55 original letters and one official proclamation, spanning five tumultuous decades (1844–1893) in Terengganu's history. This paper critically examines the private letters through the lens of Karangan Tinggi ("High Composition") as conceptualised by Zainal Abidin Ahmad, or Za'ba, particularly in his seminal work Ilmu Mengarang Melayu (1934). The analysis explores these royal writings ranging from diplomatic correspondence, familial memoranda, business directives, to political intelligence by focusing on four key elements: content preparation, structural organisation, compositional boundaries, and the use of formal openings and closures. The discussion draws primarily on a selection of royal letters edited by Raimy Ché-Ross and published by the Yayasan DiRaja Sultan Mizan. The study concludes that the Private Letters of Baginda Omar may be elevated as exemplary models of Karangan Tinggi and proposed as pedagogical material for secondary school students and scholarly reference alike.

Keywords: Private Letters of Baginda Omar; High Composition; Linguistic Registers; Za'ba; Malay Language Education in School

PENDAHULUAN

Pada 8 Mei 2024, UNESCO di bawah The Memory of the World Asia-Pacific Committee (MOWCAP) telah mendaftarkan The Royal Correspondence of Baginda Omar (Surat Persendirian Baginda Omar) sebagai salah satu warisan kebanggaan Asia Pasifik

untuk kategori geneologi, kesusasteraan dan sains (UNESCO 2024). Pengiktirafan ini merupakan suatu hal yang membanggakan dalam korpus kesusasteraan istana memandangkan surat-surat ini merangkumi pelbagai aspek yang dapat menggambarkan budaya berpolitik era antara 1836-1876.

Warkah atau surat yang dinyatakan di atas adalah miliknya Sultan Terengganu ke sembilan yang memerintah selama 37 tahun, satu tempoh yang agak lama. (Raimy Ché-Ross 2017: 7). Gelaran 'Baginda' yang dilekatkan kepada Sultan Omar diberikan untuk menggambarkan kewibawaan baginda sebagai 'penakluk' (Riswadi Azmi et al. 2022: 131). Sultan Omar dikenali sebagai seorang pemerintah yang berminat dengan hal seni budaya, keilmuan dan juga memberikan perhatian kepada perkembangan agama Islam di negeri Terengganu. Hal ini terjadi kerana kecenderungan Baginda menggauli bijak pandai, sasterawan dan pengarang, ulama dan para mufti, selain mesra dengan rakyat. Baginda juga memberi sumbangan besar kepada Terengganu dengan memberi keutamaan kepada prasarana (Ibid). Surat-surat Baginda Omar ini dihimpun dan disusun oleh pembesar Terengganu, dan diterbitkan di bawah Yayasan Diraja Sultan Mizan, dengan usaha Raimy Che Ross (2017). Makalah ini akan membincangkan warkah persendirian ini menurut sudut pandang bahasa, dengan menggunakan kerangka Karangan Tinggi yang diperkenalkan oleh Za'ba.

KARANGAN TINGGI SEBAGAI KERANGKA

Nama Zainal Abidin Ahmad atau Za'ba dalam bidang linguistik dan pengajian Melayu berada di kedudukan tersendiri. Sebagai pemikir beliau dianggap seorang tokoh yang lantang dan berani mengkritik bangsa Melayu sendiri. Dalam bidang bahasa, Za'ba menghasilkan banyak karya besar yang masih dirujuk seperti buku *Pelita Bahasa Melayu Penggal I* (1940), *Daftar Ejaan Melayu* (Jawi & Rumi 1941) dan *Pelita Bahasa Melayu Penggal II dan III* (1947) dan *Ilmu Mengarang Melayu* (1934). Buku *Pelita Bahasa Melayu* adalah buku rujukan dan 'menjadi teras tatabahasa Melayu sehingga kini' (Siti Zamrah Isa & Che Ibrahim Hj Salleh 2014: 26).

Seperti dinyatakan di atas, salah sebuah tulisan atau buku yang dihasilkan oleh Za'ba yang merupakan karya monumentalnya adalah *Ilmu Mengarang Melayu* yang pertama kali diterbitkan dalam versi Jawi pada tahun 1934. Buku ini kemudian dicetak kembali dalam tulisan Rumi pada tahun 1962 dan secara berterusan diterbitkan kembali. Ini menandakan buku ini selayaknya diangkat sebagai panduan. Makalah ini menggunakan naskah atau versi tahun 2002 yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai satu kerangka untuk melihat letak duduk Surat Persendirian Baginda Omar sebagai sebuah karangan.

Menurut Za'ba, karangan yang baik dalam bahasa Melayu itu adalah 'membuat barang sesuatu yang cantik'; 'dikeluarkan dari dalam hati sendiri serta baru'; 'bukan meniru yang telah dibuat orang' sambil disusun dengan elok untuk 'menghalkan atau merupakan sesuatu fikiran hati...supaya dapat difahamkan oleh orang-orang lain apabila didengar atau dibaca mereka susunan itu' (Zainal Abidin Ahmad 2002: 1). Oleh demikian, karangan yang baik dan tinggi itu akan menggunakan bahasa yang 'menepati betul-betul maksud yang di dalam hati' agar tidak disalah fahami, dan 'dihati-hatikan benar apa ertinya perkataan-perkataan yang dipakai di dalamnya' (Ibid: 2).

Namun demikian, pendapat Za'ba bahawa karangan tinggi Melayu itu seharusnya baru atau tidak meniru kurang dipersetujui oleh Muhammad Haji Salleh (1997: 205). Sasterawan Negara Muhammad, berhujah 'tradisi menulis bukanlah membuat sesuatu itu baharu' bahkan 'keaslian bukanlah menjadi nilai pengukur kejayaan sesebuah karya'. Muhammad juga ingin sedikit berbeza dari Za'ba dengan mengatakan parameter diletakkan Za'ba ini 'sedikit janggal dan kekok' dan merupakan 'pendapat agak moden' dan bukanlah pandangan penulis Melayu tradisional.

TATACARA KAJIAN

Seperti mana yang diujjahkan di dalam sub topik sebelumnya, Za'ba telah mengemukakan satu kerangka atau tatacara yang jelas untuk menilai atau meneliti karangan yang baik. Dalam membaca Surat Persendirian Baginda Omar sebagai tulisan yang baik, jelas dan mencapai maksud, satu kerangka yang utuh mesti digunakan. Justeru kayu ukur Za'ba akan digunakan sebagai kerangka konseptual dalam meneliti warkah sosial yang unggul ini. Tambahan pula warkah-warkah sosial Za'ba sendiri sebagai ahli bahasa itu sendiri diteliti oleh pengkaji sebagai panduan dan contoh surat yang baik (Yusniza Yaakub 2014: 1883-1894).

Kayu ukur Za'ba mengenai persediaan isi; rangka karangan; pembatas karangan; serta akhir sekali pembuka dan penutup karangan akan diacukan, lantas dibanding dan digandingkan kepada tujuh pucuk warkah, dan satu perutusan dari Surat Persendirian Baginda Omar. Bertitik tolak dari situ, kajian akan menunjukkan bagaimana Surat Persendirian Baginda Omar adalah monumen unggul penulisan istana Melayu yang boleh dijadikan contoh untuk audien hari ini.

GENRE WARKAH: SURAT PERSENDIRIAN BAGINDA OMAR

Genre warkah raja-raja di alam Melayu sering menjadi tumpuan pengkaji, khusus dari Barat, yang mana dijadikan tumpuan penyelidikan dalam bidang filologi, epigrafi, linguistik dan sejarah (Suryadi 2007: 189). Selain itu perhatian juga diberikan kepada ‘iluminasi yang indah’ (Ibid: 188). Dalam pada itu, menurut Isnariah Idris, Khushairi Fadzal, dan Abdul Rashid Daing Melebek (2017: 2-3), genre warkah juga menjadi tumpuan lantaran ia menyediakan pemerhatian untuk memahami hati budi Melayu dan nilai mulia bangsa ini.

Makalah ini menyorot surat persendirian Baginda Omar dan dalam usaha menyerlahkan ketinggian karangan Baginda, penulisan ini hanya akan melihat surat-surat yang diutus oleh Baginda Omar sahaja dan bukannya surat yang diterima oleh baginda. Ini bertujuan menunjukkan kejelasan, ketinggian dan kepatutan warkah-warkah karangan Baginda ketimbang yang diterimanya. Pembatasan kajian ini juga demi mencapai maksud kertas ini yang ingin mengetengahkan ke’izzahan Baginda Sultan Omar yang mana karangan Baginda itu akan dibuktikan kelak adalah tidak lewah, terus kepada tujuan dan bermaksud untuk menyatakan kebenaran.

Oleh demikian hanya tujuh pucuk warkah, dan satu perutusan sahaja yang akan ditekuni di sini. Warkah-warkah tersebut adalah:

1. Warkah Baginda Omar kepada Menteri Besar Terengganu bertarikh 8 Syawal 1264H.
2. Warkah Baginda Omar bertarikh 9 Syawal 1265 Hijrah kepada Baba Tan Kim Cheng.
3. Warkah Baginda Omar kepada Sultan Muhamad II Tuan Long Senik Mulut Merah bertarikh 2 Rejab 1273 Hijrah.
4. Warkah Baginda Omar kepada Raja Patani, Sultan Phraya Tani Tuan Besar Tengku Mahmud pada 15 Syawal 1269 Hijrah.
5. Warkah Baginda Omar kepada Encik Bujal bertarikh 9 Syawal 1265 Hijrah.
6. Warkah Baginda Omar ditujukan kepada Syeikh Ahmad Yazid bertarikh 9 Jamidil-akhir 1268 Hijrah.
7. Warkah Baginda Omar kepada Paduka Kanda dan Encik Buruk tanpa tarikh; dan,
8. Perutusan Baginda Omar sekitar tahun 1857 mengenai sebagai pemerintah berdaulat.

Warkah sosial diraja ini termuat dalam koleksi suntingan Raimy Ché-Ross (2017) dengan judul *The Royal Letters of Baginda Omar: Sultan Terengganu Darul Iman IX Marhum Baginda (1806-1876) Volume II*. Hanya warkah dari jilid kedua sahaja yang diberi tumpuan untuk membolehkan penelitian terfokus dilakukan.

Menurut Ab Razak Ab Karim (2002), sarjana yang banyak meneliti warkah Raja-raja Melayu, terdapat dua kategori warkah diraja iaitu warkah sosial dan warkah perjanjian. Menurut beliau warkah sosial bermaksud, ‘warkah yang dihantar oleh seseorang pengirim kepada penerima’ di mana ‘pengirim ataupun penerima merupakan seorang raja, pembesar, ataupun orang tertentu’. Beliau juga menambah yang ‘warkah sosial dihantar dengan tujuan tertentu kerana kandungan warkahnya merupakan hal-hal yang bersangkutan tentang peribadi, untuk mendapatkan bantuan ataupun pertolongan, dan perniagaan’ (Ab Razak Ab Karim 2002: 208). Tidak syak lagi warkah atau surat Baginda Omar ini adalah surat atau warkah sosial sesuai dengan peletakan nama dan kategori iaitu ‘surat persendirian’.

Seterusnya Ab Razak Ab Karim (2002: 222) menyatakan warkah sosial ini terdapat enam komponen yang utama iaitu ‘kepala surat, cap, kata puji-pujian, isi atau kandungan warkah, pra penutup dan penutup.’ Terdapat kemungkinan bahawa warkah-warkah ini ditulis oleh pembesar istana dan pengarang diraja. Namun demikian pemakalah menanggapi surat ini sebagai karangan daripada Baginda Omar sendiri, lantaran ia ditandatangani oleh Baginda. Seperti disebutkan oleh sarjana ini sebelumnya, bahagian utama surat tentulah isi atau kandungan warkah. Untuk memahami apakah itu isi surat, ia bermaksud; ‘segala permintaan ataupun kemahuan pengirim kepada penerima warkah’ yang mana boleh sahaja ‘perkara-perkara yang berkaitan dengan ekonomi, politik, perdagangan, hal-hal peribadi, ataupun pengiktirafan’ (Ab Razak Ab Karim 2002: 226).

Sebagai contoh, warkah Baginda Omar kepada Paduka Kanda dan Encik Buruk tanpa tarikh dalam khazanah ini memperlihatkan minat Baginda Omar dalam penukangan kapal. Dalam interaksi dengan mereka, Baginda Omar berurusan untuk menghimpun kayu dan membina pengangkutan air (Raimy Ché-Ross 2017: 161-162). Dalam hal

inilah karangan tinggi seperti yang disarankan oleh Za'ba sesuai digunakan untuk melihat kecanggihan, kearifan, kepatutan dan keelokan pada warkah diraja, yang mana dalam konteks makalah ini adalah Surat Persendirian Baginda Omar. Untuk itu, pengkaji akan pertama-tamanya melihat aspek isi seperti mana disarankan oleh Ab Razak Ab Karim, dan Za'ba yang membuat penentuan apakah itu yang layak dinobat sebagai karangan tinggi.

PERSEDIAAN ISI

Dalam hal persediaan isi, Za'ba menyatakan persediaan menyediakan kandungan sesuatu karangan atau tulisan itu sangat penting di mana poin yang perlu didahulukan atau dikemudiankan hendaklah dirangka dan dipetakan. Dalam hal ini Za'ba menegaskan bahawa hanya isi yang layak sahaja boleh dibawa masuk dalam karangan, dan hal lewah atau 'perkara-perkara kecil' tidak diketengahkan kerana akan menyerlahkan 'cetek fikiran pengarang' (Zainal Abidin Ahmad 2002: 9-10). Ab Razak menyatakan, dalam wakah sosial diraja iaitu dalam 'sesepucuk warkah, pengirim biasanya mencampur adukkan pelbagai isi dalam satu warkah' (Ab Razak Ab Karim 2002: 226). Namun demikian hal ini tidak terdapat pada surat persendirian Baginda Omar. Hal ini dapat dilihat pada kepala warkah surat berikut:

1. Kepala Warkah

Perhatikan warkah Baginda Omar kepada Menteri Besar Terengganu tat kala itu, bertarikh 8 syawal 1264H. Kepala warkah tersebut dinyatakan; '*qaww al haq*', atau dalam hal ini 'Kata-kata Yang Benar':

- a. Tarikh sanah 1264 kepada tahun jim [**] yang kedelapan hari daripada bulan shawāl
- b. pada hari khamis pukul tiga maka pada ketika itu duli baginda kurniakan surat serta cap
- c. kepada Paduka Ninda Tengku Besar menyatakan di dalamnya jika ada Tengku Hitam yang di kelantan maka datang ia
- d. ke Terengganu dengan tiada kesukaan paduka ayahanda yang dipertuan Terengganu dan sekalian yang bernama
- e. seteru kepada paduka ayahanda yang dipertuan itu maka hendaklah Paduka Ninda memerintahkan [مقررنتهكن] atas sekalian

- f. seteru yang tersebut [يغترسبت] itu dan sekalian raja-raja yang di dalam [يغددالم] tukignem halkadne akam unaggnereT [برغغ] gnay gnarab
- g. diperintahkan oleh Paduka Ninda Tengku Besar daripada memerintahkan atas sekalian seteru itu dan jika
- h. barang siapa [برغسياف] raja2 yang tiada mengikut seperti barang yang [برغغ] tersebut di dalam surat ini maka jadi [-] salah ke bawah
- i. duli Baginda demikianlah tersebut kenyataan dan kejelasan [كجلاس] di atas [دياتس] kertas ini adanya intiha'l-kalam (Raimy Ché-Ross 2017: 41).

Selain itu, satu hal yang menarik mengenai surat Baginda Omar adalah kejelasan maksudnya. Hal ini akan disorot dalam sub-topik berikut:

2. Kejelasan Maksud

Tanggapan Ab Razak bahawa dalam warkah sosial diraja yang 'pengirim biasanya mencampur adukkan pelbagai isi dalam satu warkah' bagaimanapun tidak berlaku dalam surat persendirian Baginda Omar ini. Tanpa perlu membincangkan ehwal dan konteks kepada nada tegas di atas; pembaca dapat membaca kejelasan maksud, kejernihan tujuan sambil turut ditegaskan akan kenyataan atau kebenaran kandungan warkah ini. Jikalau warkah ini berhasrat untuk meluahkan kemurkaan, kedukaan dan keresahan, ia ketara sekali telah mencapai maksud persediaan isinya di mana perkataan yang dipilih untuk diturunkan antara lain adalah, 'tiada kesukaan'; 'memperintahkan atas sekalian seteru'; 'hendaklah paduka ninda memerintahkan'; dan 'kenyataan dan kejelasan'. Surat persendirian Baginda Omar ini sangat terfokus dan padat maksud sehingga dapat ditelaah perasaan Baginda serta-merta.

Untuk membandingkan nada yang sama digunakan dalam perutusan diraja kontemporari misalnya, pembaca boleh melihat pula nada tegas yang diguna atau dititahkan oleh Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ketika menzahirkan rasa dukacita Baginda dengan pengumuman pembatalan Ordinan Darurat di parlimen pada tahun 2021. Ketika itu pentadbiran Perikatan Nasional di bawah bekas Perdana Menteri Muhyiddin Yassin. Dalam kenyataan Istana Negara, Baginda Al-

Sultan Abdullah dukacita terhadap Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Peguam Negara iaitu Takiyuddin Hassan dan Idrus Harun kerana melakukan sesuatu yang membelakangkan Baginda:

“Sehubungan dengan itu, Seri Paduka Baginda menzahirkan rasa amat dukacita dengan kenyataan yang telah dibuat pada 26 Julai, 2021 lalu bahawa kerajaan telah membatalkan semua Ordinan Darurat yang telah dimasyhurkan oleh Baginda sepanjang tempoh darurat walhal belum lagi diperkenan baginda.” (MalaysiaKini 2021).

Berdasarkan kedua-dua contoh masa silam dan kini itu membuktikan bahawa kepintaran pengarang untuk menyukat apa atau banyak mana sesuatu itu perlu disebut sangat diperlukan. Di mana ada bahagian yang barangkali perlu disentuh ringkas sahaja, manakala ada tempat tertentu yang perlu dilanjut dengan penuh dihemat. Selain itu dalam menyatakan mengenai ‘karangan tinggi’ ini Za’ba turut menghujahkan bahasa yang digunakan hendaklah berpatutan, ikhlas bunyinya, patut dan tiada unsur menunjuk-nunjuk pandai atau mengada-ada sehingga terbit rasa menjengkelkan (Zainal Abidin Ahmad 2002: 11). Dalam hal ini warkah Baginda Omar bertarikh 9 Syawal 1265 Hijrah kepada sahabat dan rakan dagang Baginda iaitu Baba Tan Kim Cheng di Singapura boleh dijadikan panduan:

[nūr al shams wa al qamar

al wathik bi rabbi al wadūd al sultan

‘umar ibni al sultān ahmad al marhum sanah 1246

1. bahawa ini surat yang dipesertakan dengan tabik dan hormat yang keluar daripada
2. fu’ad al azkiyah yang amat gilang gemilang bercahaya-cahaya yang tiada menaruh syak dan waham dalamnya iaitu daripada kita seri paduka
3. sultan omar ibni sultan ahmad al marhūm yang telah ada memerintahkan di atas takhta kerajaan dan kebesaran serta dengan kemuliaannya
4. Bertambah-tambah pada masa ini di dalam alam Terengganu dan segala daerah takluknya maka barang disampaikan oleh tuhan seru sekalian alam
5. ini apalah kiranya datang kepada wajah sahabat kita iaitu baba kamsin [باب كامين] halet gney malad id ini asam adap raseb ragaduasreb ada arupagniS radnab

6. maka ialah yang amat arif bijaksana pada melakukan jalan berkasih kasihan dan berjina-jinakan serta dengan bertolong-tolongan
7. dengan segala sahabat handainya maka termasyhurlah wartanya yang demikian itu kepada segala daerah yang asing maka dipohonkan
8. tuhan ‘azza wa jallā barang dilanjutkan akan usia [Lw’] umur zamannya di dalam sihat dan afiat supaya jangan jadi berputusan
9. mahabbah berkasih kasihan kita antara sahabat kita adanya wa ba’dahu daripada itu barang istifhām jua kiranya sahabat kita maka adalah
10. kita melayangkan secarik tulisan ke hadapan wajah sahabat kita akan jadi ganti pertemuan dan perkataan yang antara kita dan
11. sahabat kita jua adanya serta kita menyatakan sahabat kita darihal kita setelah haraplah akan sahabat kita boleh menolong selesaikan
12. dari fasal wang yang kita yang sudah tertipu oleh ah ho itu dengan mana-mana jalan yang patut kepada sahabat kita yang jangan jadi
13. besar kemaluan kita sekali-kali kita tiada sayang akan wang kita yang sebegitu banyak tetapi yang kita banyak malu dari sebab tiada
14. ada penolong daripada segala sahabat handai kita yang sudah kita harap akan dapat penolong daripadanya demikianlah adanya
15. yang kita tiada boleh hendak hilangkan perkara ini di dalam fikiran kita itulah adanya tamat al kalam bil khayri wa’s salam
16. tertulis di dalam Terengganu sembilan hari bulan shawāl pada tahun ‘arabiyy

1265 [عربي (Raimy Ché-Ross 2017: 47-48).

Sesuai duduknya sebagai ‘warkah sosial’, warkah di atas adalah satu warkah peribadi yang diutus Baginda Omar kepada seorang saudagar Baba di Singapura. Menerusi warkah ini pembaca memaklumi yang Baginda meminta bantuan sahabatnya. Namun seperti diperlihatkan dalam isi warkah ini, meskipun Baginda mengharapkan pertolongan Baba Tan tersebut, Baginda tidak sampai merendahkan martabat dan kedudukannya. Baginda Omar masih menegaskan izzah Baginda dengan pemilihan ungkapan ‘nūr al shams wa al qamar’ iaitu sebagai ganti menunjukkan kelimpahan dan kemurahan hatinya. Ungkapan ini seperti disebut oleh Raimy Ché-Ross adalah satu ungkapan lumrah yang digunakan Raja-raja Melayu apabila menulis kepada rakyat atau penerima Bukan Muslim

(Ibid) dan menurut Ab Razak Ab Karim (2002: 214) bermaksud, ‘cahaya matahari dan bulan’.

Pemilihan perkataan yang digunakan menunjukkan Baginda juga tidak sampai merayu, bahkan ayat yang digunakan Baginda serasa ikhlas, dan jauh dari merimaskan. Hal ini terlihat pada ungkapan seperti, ‘setelah haraplah akan sahabat kita boleh menolong selesaikan’. Menerusi warkah ini kita akan dapat menekuni kehalusan budi orang Melayu yang dengan ikhlas menyatakan kedudukan istimewa bangsa bukan Melayu yang menjadi rakan dagang Baginda (digunakan perkataan sahabat), dan bagaimana Baginda Omar secara berpatutan menyerlahkan rasa hormat, kasih dan juga perhatian Baginda kepada Baba Tan sebelum langsung menyatakan tujuan warkah iaitu untuk meminta bantuan beliau.

Untuk ini Baginda secara patut dan cukup menzahirkan, ‘ada penolong daripada segala sahabat handai’ dan demi menyatakan rasa runsing Baginda itu sekadar menuliskan ‘yang kita tiada boleh hendak hilangkan perkara ini di dalam fikiran kita itulah adanya...’. Oleh sebab karangan bahasa Melayu tinggi akan selalunya menampilkan perumpamaan dan bidalan sebagai isi, Za’ba menyuguhkan ingatan bahawa penggunaan perumpamaan dan bidalan ini hendaklah ‘mempersetujukan makna luar dan dalam’ dan dapat menghurai erti yang betul. Sesuai dengan akal budi Melayu, karangan tinggi hendaklah isinya itu ‘mengandungi pengajaran baik untuk dipakai, dan jahat untuk di jauhi (Zainal Abidin Ahmad 2002: 14).

Hal ini dapat dilihat pada surat atau sebetulnya perutusan Baginda Omar mengenai duduk letak Baginda sebagai Raja yang berdaulat dan memiliki wewenang sebagai penentu dan pelaksana hukum atau undang-undang negeri. Perutusan ini dipercayai diterbitkan sekitar 1857. Baginda Omar secara waspada mengangkat diri Baginda selaku pemerintah, menghantar makna luar dan dalam pada perutusan ini di samping menurunkan kebaikan dan keburukan jika perintah Baginda itu disanggah:

- [1. nahmaduka allāhumma mālika’l mulki tu’ti’l mulka man tasha’ wa tanzi u’l mulka min man tashā’ wa tu’izzu man tashā’ wa tudhillu man tashā]
2. biyadika khayr [sic. biyadika’l khayr] innaka ‘alayya [‘alā] kulli shay’in gadir wa ashhadu alla ilāhailallah wahdahu lā sharika lahu wa ashhadu anna sayyidina wa mawlāna

3. muhammad ‘abduhu wa rasūluhu sallallah ‘alayhi wa sahbihi wa sallim musliman yā ayyuhal ladhina amanū ‘ati ū’l llāha wa ‘ati’ ū’r rasūl
4. wa ūlil amr minkum wa’lamū ‘irhamkumullāh anna’ l mulka ‘azim laysa bilwirāthti li ‘ahadin khalifin ‘an salifi wa lā kābirin ‘an
5. kabirin nahtasu’l llāh birahmatihī man yashā’ wallahu dhu fadi’l azim titah yang ampunya daulat yang tinggi bawah duli baginda
6. as sultan Al mu’azzam wa’l khāgān al mukhkhām sayyidina wa mawlāna amir al mu’minin adamu’llahu sa’adahu wa atala ‘umruhu wa alhama rusdahu
7. as sultan ibn as sultān umar ibn al marhūm as sultān ahmad hendaklah ketahui sekalian kamu segala anak
8. raja-raja dan segala anak menteri dan segala orang-orang besar dan segala penggawa dan penghulu dan segala rakyat isi negeri telah aku istika
9. rahkan allāh subhanallah wa ta’alā dan aku jadikan yang memerintah atas sekalian kamu akan anak saudara ku ini yang dipertuan muda
10. akan kerajaan ganti daripada aku bagi memerintah akan ini negeri dan segala rantau takluk jajahannya dan aku beri akan dia pada menempa
11. ti diri aku pada sekalian perintahan dan aku recha akan dia dengan memerintah atas sekalian kamu dan ikrarlah [paper damage]
12. tertentu atas aku maka barangsiapa daripada segala anak raja-raja dan segala anak menteri dan segala penggawa dan orang-orang besar dan
13. rakyat isi negeri mengikut ia akan dia maka sesungguhnya telah mengikut akan daku dan barangsiapa yang derhaka akan dia maka sesungguhnya telah
14. derhaka ia akan daku dan barangsiapa yang derhaka ia akan daku maka sesungguhnya telah derhaka ia akan sayyida mawlāna abā al qāsim muhammad
15. salla’llāh ‘alayhi wa sallam dan aku suruh akan sekalian kamu hai segala anak raja-raja dan segala anak menteri dan segala orang-orang besar dan penggawa
16. dan segala rakyat isi negeri akan masuk sekalian kamu pada bawah perintahnya dan aku keluarkan dia dengan yang dipertuan besar maka janganlah

17. seorang jua pun daripada sekalian kamu ingkar dan tiada terima akan yang demikian itu terima sekalian kamu 3 [/]
18. ‘a’üdhu bi’l lahi min ash shaytân ar rajim inna’l ladhina yubayi’ unaka inna yubâyi una’llah yadd allâh fauqa aidihim fi man nakatha
19. fa innama yankuthu ‘alâ nafsihi [wa] man aufa bi mâ ‘ahada’alayhi fasayutihi ajran ‘aziman ini setia kebajikan ini setia
20. menghilangkan [sic] perbantahan ini setia mendatangkan perhambur inilah patik setia akan bawah duli yang dipertuan besar ini
21. tiada patik berniat khianat dan derhaka akan bawah duli yang dipertuan besar ini di dalam masa mengikut akan allâh dan
22. rasulnya] (Raimy Ché-Ross 2017: 162-163)

Dalam rangka untuk mengangkat kedudukan Baginda sebagai pemerintah, Baginda Omar mengingatkan subjeknya bahawa duduk Baginda adalah setelah Nabi Muhammad sebagai ‘wa üli amr minkum wa’lamü ‘irhamkumullâh’ yakni satu ibarat, umpama dan bidal-bidalan yang tegas. Manakala untuk yang ingkar dan derhaka, Baginda susulkan kata-kata dalam bahasa Arab sebagai ingatan, “a’üdhu bi’l lahi min ash shaytân ar rajim’ yang mana bukan didatangkan sebagai kepala surat seperti lazimnya tetapi menjadi isi atau kesimpulan akhir pada perutusan Baginda.

Maka tidaklah menghairankan, kandungan utama warkah ini adalah pada ayat-ayat berikut, ‘rakyat isi negeri mengikut ia akan dia maka sesungguhnya telah mengikut akan daku dan barangsiapa yang derhaka akan dia maka sesungguhnya telah derhaka ia akan daku dan barangsiapa yang derhaka ia akan daku maka sesungguhnya telah derhaka ia akan sayyida maulâna abâ al qâsim muhammad.’ Dalam hal ini, sebagai sebuah karangan tinggi sukar sekali untuk seorang pembaca atau sasaran perutusan ini tersasar atau keliru akan maksud dan tujuan Baginda Omar bertitah dengan tegas memperihalkan status Baginda sebagai pemerintah berdaulat.

RANGKA KARANGAN

Perkara kedua yang mustahak diperhatikan sesudah pelan mengarang adalah mengatur rangka penulisan. Sesudah seseorang pengarang itu menyiapkan atau bersedia dengan peta atau rangka penulisan atau karangannya, Za’ba berpesan agar ia ditulis dengan cermat iaitu dengan mengambil kira tiga tonggak utama rangka karangan iaitu:

- a. Nahu yang mencakupi susunan kata seperti yang biasa di dalam surat; ayat dan cara ikatannya terang untuk membetuli maksud; perkataan di tempat munasabah; penggunaan ganti nama, sendi nama dan sendi kata yang tepat; tulisannya elok; dan terdapat tanda berhenti.
- b. Pemerangkapan sangat dititik beratkan di mana ia membantu karangan itu menjadi mudah dihadami di mana terdapat kejernihan idea antara setiap bahagian yang diceraikan.
- c. Sebagai karangan tinggi, rangka karangan yang baik adalah yang dihiasi dengan bunga bahasa seperti kiasan, tamsil, ibarat yang indah; dan pada bahagian yang patut diketengahkan pula perumpamaan, bidalan, pepatah, syair, pantun, seloka dan gurindam yang sesuai (Zainal Abidin Ahmad 2002: 18-19).

Dalam hal ini sepucuk surat daripada Baginda Omar yang dapat dihujah benar-benar menepati ketinggian karangan serta telah melalui persediaan rangka yang cermat boleh dilihat pada surat Baginda kepada Sultan Muhamad II Tuan Long Senik Mulut Merah yang bertarikh 2 Rejab 1273 Hijrah (Raimy Ché-Ross 2017: 99-101):

- [1. alhamdullilâhi ‘ala kulli hâl wa as salât wa as salâm ‘ala sayyidina muhammad sāhibu al afdâl wa ‘ala alihi wa sahbihî yasbahünallâh fi al yakür [sic] wa’l asâl maka inilah warqah al ikhlâs
2. yang disertakan di dalamnya salamullahu ta’ala al atam wa ridwānuhu al awgar al a’am iaitu daripada seri paduka adinda yang dipertuan terengganu maka barang diwasilkan rabb
3. al ‘ālatin mālik yaum’id din apalah kiranya datang kepada paduka kanda raja kelantan salamullāhu ta’ālā min-jami’ al musawi amin wa ba’dahu al madhkür daripada
4. itu barang ta’arif jua kiranya paduka kanda maka adalah seri paduka adinda melayangkan sekeping warkah ini kerna jadi ganti perjumpaan dan perkataan seri paduka
5. adinda antara paduka kanda jua adanya serta seri paduka adinda membayangkan di dalamnya darihal segala waris kam siang tatkala mendengar kam siang itu telah mati ia maka jadilah
6. dengan percintaan dan kedukaan yang sangat maka datanglah setengah daripada segala warisnya [paper damage] ke dalam kelantan kerna hendak mengambil badannya

7. dan segala harta punya kam siang itu hendak dihantar ke singapura kerna banyaklah segala mata benda dagangan kam siang itu hak segala saudagar orang putih di dalam negeri
8. Singapura maka sekarang haraplah seri paduka adinda akan paduka kanda menolong memberikan badannya dan segala harta punya dia kepada orang yang berdua
9. tersebut itu adanya maka suatu pun tiada alamatnya al mahabbah hanyalah doa fi'l layl wa an nahār intihā al kalām bi'l khayr wa's salām [/]
10. termaktub warkah ini kepada dua hari shar'ul llāh ar rajab pada hari juma'at pukul empat pada sanah 1273 (Raimy Ché-Ross 2017: 100-101).

Raimy (2017: 100) yang menekuni surat ini menyatakan ia dinukil rapi, jelas dan dijarakkan perenggangannya meskipun dikarang dalam tulisan Jawi. Baginda telah memilih susunan kata bertata penuh bahasa untuk memberikan rasa duka lara baginda ekoran kematian saudagar Kam Siang; 'dengan percintaan dan kedukaan yang sangat maka datanglah setengah daripada segala warisnya ke dalam Kelantan kerna hendak mengambil badannya'. Ayat di atas ini sesuai dengan gaya dan tata susunan bahasa Melayu ketika itu yang nampaknya dipengaruhi oleh langgam bahasa istana dan saduran bahasa Arab yang ketara.

Baginda juga mengumpamakan warkah tersebut sebagai ganti sosok dirinya di hadapan Sultan Muhammad II Tuan Long Senik Mulut Merah; 'maka adalah seri paduka adinda melayangkan sekeping warkah ini kerna jadi ganti perjumpaan dan perkataan seri paduka adinda antara paduka kanda jua' (Ibid). Berdasarkan contoh surat di atas adalah agak terang untuk diujahkan yang Baginda Omar adalah seorang pengarang yang baik, di mana Baginda nampaknya cermat menggunakan nahu, mengenal pembahagian isi agar mesej Baginda itu jernih. Warkah ini turut dihiasi bunga bahasa, dan perumpamaan yang tidak berlebihan, secukup rasa untuk menggambarkan hati dan pandangan Baginda yang sedang bersedih.

PEMBATAS KARANGAN

Menurut Za'ba yang menjadikan satu karangan dalam bahasa Melayu itu istimewa ialah kerana terdapatnya kelaziman dengan pembatas karangan.

Dalam hal ini pembatas karangan ini terdapat pada permulaan perenggan yang mempunyai 'kuasanya dan tujuannya mengikut maknanya yang tertentu'. Contoh-contoh pembatas karangan yang lazim dalam karangan bahasa Melayu adalah; sebermula, bermula, syahdan, hatta, kalakian, arakian, al kisah, sekali persetua, sebagai lagi, wabakdah, ahlwa, bahawa, sesungguhnya, sanya, adalah, adapun, dan setelah (Zainal Abidin Ahmad 2002: 19). Pembatas karangan ini akan dilengkapkan oleh kemahiran meletakkan tanda berhenti di mana ia 'berperaturan' seraya memudahkan pembacaan (Ibid: 22).

Pembatas karangan yang disentuh di atas dapat ditemukan dalam surat-surat karangan Baginda Omar serentak menunjukkan baginda selaku pemerintah Terengganu dan sebagai salah seorang Raja Melayu boleh malah tidak canggung untuk berbahasa Melayu dengan baik. Satu contoh memadai daripada surat Baginda Omar ini adalah pada warkah Baginda yang ditujukan kepada Raja Patani, Sultan Phraya Tani Tuan Besar Tengku Mahmud pada 15 Syawal 1269 Hijrah untuk memaklumkan ketibaan bonda Yang Dipertuan Besar Baginda Lingga dengan selamat. Warkah Baginda ini berbunyi:

[qawl al haq

al wathik bi rabbi al wadūd
al sultan umar ibni al sultan ahmad al marhum
sanah 1246

1. alhamdulillahi ladhi hadānā lil'imān wa'l islam wa 'alimna lidin ahkam assalatu wazzakāh wa assiyam wassalatu wassalamu 'ala
2. sayyid al anām wa 'alā alihi wa ashabihi al kiram maka inilah sahifatul ikhlas wal tufat al ajnas yang diidafatkan di dalamnya salām ma'a
3. at tahiyyat serta diiringi dengan bagai doa dan sa'ana yang jamil iaitu daripada seri paduka [blank space] yang dipertuan terengganu maka barang disampaikan
4. illahu rabb kepada paduka [blank space] raja patani yang beroleh tawfik dan hidayat yang khas daripada ma'rifah dan itqān dengan dalil
5. dan burhān bi jāhi sayyid al anas wal'jan amin wa yā khayr an nasirin wa ba'dahu al mazkir daripada itu barang ta' arif
6. jua kiranya paduka [blank space] maka adalah seri paduka [blank space, melayangkan sekeping warkah ini kerana menyatakan tulus dan ikhlas seri

7. paduka [blank space] antara paduka [blank space] jua adanya serta membayangkan di dalamnya perihal yang dipertuan besar baginda lingga serta membawa bondanya berangkat
8. Ke terengganu sampainya kepada sebelas hari bulan shawāl pada hari selasa pukul lima pagi dengan kurnialah al qadir tiadalah suatu merbahayanya
9. maka syukurlah seri paduka [blank space] kepada mawlāna al ghafūr dengan keadaan yang demikian itu demikianlah adanya intihal kalām bil khairu was salām [/]
10. termaktub warkah ini kepada malam yang kelima belas hari bulan shawāl malam sabtu pukul delapan pada sanah 1269] (Raimy Ché-Ross 2017: 76-77).

Kata 'jua kiranya' dan 'jua adanya' di atas adalah contoh pembatas karangan dalam warkah tersebut.

PEMBUKA DAN PENUTUP KARANGAN

Za'ba percaya sebuah karangan yang tinggi itu mempunyai pembuka dan penutup karangan yang baik. Za'ba menjelaskan permulaan karangan hendaklah terdapat sebutan yang kuat dan munasabah di mana ia berfungsi untuk 'membayangkan tujuan dan kandungan' di mana ia sudah terkumpul di dalam kepala karangan itu (Zainal Abidin Ahmad 2002: 22). Dalam hal ini, Ab Razak Ab Karim (2002: 216) menyatakan, selalunya warkah diraja ini berlebihan dari segi kata puji; 'kelaziman yang paling ketara dalam warkah sosial ialah kata-kata pujian yang keterlaluan digunakan oleh pengirim warkah untuk ditujukan kepada penerima.'

KATA PUJI

Untuk mengesan kata pujian ini ia biasa terdapat 'pada baris terawal ataupun permulaan sepucuk warkah' yang mana 'dalam bahagian ini dinyatakan nama, gelaran dan juga alamat pengirim yang menghantar warkah serta puji-pujian yang tinggi melangit terhadap penerima warkah' (Ibid). Ab Razak berpandangan, 'dalam sesetengah warkah sosial kata puji-pujian yang digunakan keterlaluan dan membosankan'. Akan tetapi pemakalah berpendapat terdapat pengecualian pada surat persendirian Baginda Omar ini. Baginda kelihatan arif dan tahu bilakah masanya untuk berlebihan

menggunakan kata puji, dan dalam banyak keadaan sangat bersederhana atau berpatutan. Hal ini misalnya boleh dilihat pada surat yang ditujukan kepada Syeikh Ahmad Yazid bertarikh 9 Jamidil-akhir 1268 Hijrah:

[allāh yajma baynanā wa baynakum
al wathik bi rabbi al wadud al sultan umar ibni al
sultān ahmad al marhum
sanah 1246

1. alhamdullilahi dhu'l jalāl wa'l ikram wa'l afdal wal'an'ām wa as salatu was salām 'ali [sic.] alā] sayyidina muhammad khayru'l anām wa 'ali [sic.] alā] alihi wa sahbihi wa sallam
2. telah selesailah daripada memuji tuhan sāni'u al 'alam dan selawatkan rasulnya sayyidu'l anām maka diidafatkan dalamnya salām ad du'ā' al khayr ni
3. wa al 'afiyah 'alā ad dawam mā dāmat al layālī wa'l ayyami iaitu daripada pihak as sultan omar ibni as sultan ahmad al marhūm yang mentadbirkan
4. negeri terengganu dengan segala daerah takluknya sekalian mudah mudahan barang disampaikan tuhan hanān al manān berkat nabi ākhiru'l zamān apalah kiranya
5. Kepada manjilis [منجليس] yang 'azizu karim wahuwa 1 seikh lam al alamah dizay damha arupagnis tales iregen malad id kifuat ada gney [يغبراوله] heloreb gney
6. sa 'adah ad dārin bijāhi annabiyy muhammad sayyid ath thagalayn amin yā dhuljalā! wa'l ikrām wa ba'dahu daripada itu maka adalah yang di
7. pertuan membayangkan [ممباينكن] kepada tuan [تون] jika ada tulus dan ikhlas tuan gney akam kadneh adapirad atnicreb tagnas nautrepid amas hajaw apmujreb
8. tuan maka jika ada dengan kemudahan kepada ini tahun mit' a [sic. mintak] [sliu] datang juga atau bersama-sama dengan al haji khatib sulaiman dan mata-mata yang membawa surat
9. ini adanya dan lagi jika ada khatr hati tuan daripada hendak menengar hal ehwal negeri Terengganu pada masa berbuat surat ini adalah di dalam
10. sihat afiat dengan kerana berkat doa tuan mudah mudahan pada masa ini Allah subhanahu wataala daripada sekalian

11. bala dan waba dan fitnah dunia dan akhirat sekaliannya maka demikianlah sahaya nyatakan kepada tuan maka suatu pun tiada tanda hayät wa
12. dalil ikhläs yang diiringkan kepada akhir syatar ini hanyalah doa fî atâ'i al layl wa atrâf an nahâr serta ada minyak sapi satu
13. koci [sae] kecil akan jadi barang-barang gunanya terima ambillah kepada yang membawa surat ini adanya intihâ al kalâm
14. termaktub surat ini kepada sembilan hari bulan jamâdi'l äkhir hari Selasa jam pukul delapan adanya sanah 1268] (Raimy Ché-Ross 2017: 61-62).

Warkah di atas memaparkan kata puji di peringkat permulaan yang agak berjela tetapi masih padat. Ini sesuai dengan tujuan warkah untuk mengundang sahabat Baginda Omar untuk hadir ke Terengganu. Bahagian awal iaitu, 'wa al 'afiyah 'alâ ad dawam mã dâmat al layâli wa'l ayyami iaitu daripada pihak as sultan omar ibni as sultan ahmad al marhûm yang mentadbirkan negeri terengganu dengan segala daerah takluknya sekalian mudah mudahan barang disampaikan tuhan hanân al manân berkat nabi âkhiru'l zamân apalah kiranya' begitu jelas satu kata puji-pujian.

Seterusnya, ayat 'kepada manjlis [منجليس] yang 'azizu karim wahuwa'l syeikh alam al alamah ahmad yazid yang ada taufik di dalam negeri selat singapura yang beroleh [يغبراوله] sa 'adad dârin bijâhi annabiyy muhammad sayyid ath thagalayn amin yâ dhuljalâ wa'l ikrâm wa ba'dahu' masih merupakan bahagian pembukaan. Setelah pemula ringkas tersebut, Baginda Omar langsung menyatakan hasrat, 'daripada itu maka adalah yang di pertuan membayankan [ممباينكن] kepada tuan [تون] jika ada tulus dan ikhlas tuan maka yang dipertuan sangat bercinta daripada hendak berjumpa wajah sama'.

Dalam pada itu, menurut Za'ba sebagai penutup, karangan itu hendaklah disudahi dengan molek iaitu dikunci dengan cakap yang padat berupa syair, pantun, perumpamaan. Penutup ini akan berfungsi sebagai 'mengulang balik isi maksud secara ringkas' dan untuk menunjukkan satu kesimpulan

bahawa 'sebenarnya karangan itu telah tamat' (Zainal Abidin Ahmad 2002: 22). Dalam hal ini ayat penutup pada warkah Baginda Omar ini dapat ditelaah menerusi permulaan ayat, 'mudah mudahan pada masa ini allah subhanahu wataale daripada sekaliannya bala dan waba dan fitnah dunia dan akhirat sekaliannya maka demikianlah sahaya nyatakan kepada tuan maka suatu pun tiada tanda hayät wa dalil ikhläs yang diiringkan kepada akhir syatar ini hanyalah doa fî atâ'i al layl wa atrâf an nahâr'.

Apa yang dapat dikatakan menarik adalah penutup ini adalah dalam bentuk satu doa. Sesuai dengan akal budi bangsa Melayu, surat turut dilampirkan dengan hadiah pemberian, 'serta ada minyak sapi satu koci [sae] kecil akan jadi barang2 gunanya terima ambillah kepada yang membawa surat ini adanya intihâ al kalâm' (Ibid.) Warkah di atas ini dapat dikatakan satu contoh yang baik untuk menunjukkan kekuatan warkah Baginda Omar sebagai satu karangan tinggi.

KARANGAN TINGGI DI SEKOLAH MENENGAH

Antara kekurangan ketara dalam karangan atau penulisan Bahasa Melayu untuk pelajar sekolah menengah adalah merangkumi aspek isi, bahasa dan tulisan. Kelemahan isi dalam karangan pelajar antara lain melibatkan 'ketiadaan isi utama dalam sesebuah perenggan' dan 'kelemahan penghuraian tentang isi utama'; 'pembinaan ayat-ayat yang tidak gramatis' dan pemilihan perkataan yang tidak tepat', selain 'penggunaan gaya tidak tepat dan sepadan dan penggunaan tanda bacaan yang tidak betul' (Nurul Aisyah Abdullah et al. 2016. Jika diamati hal yang sama dititikberatkan oleh Za'ba ketika menghujahkan apa yang beliau namakan sebagai karangan tinggi.

Terdapat keperluan untuk mendedahkan genre warkah khusus sebagai karangan tinggi dalam subjek Bahasa Melayu atau Bahasa Malaysia di peringkat sekolah menengah tinggi. Hal ini misalnya diakui Salmah Jan (2022) yang merupakan Ahli Lembaga Amanah Yayasan Karyawan. Menurut beliau, pengetahuan 'ilmu penulisan surat rasmi dan tidak rasmi' seharusnya 'turut sama-sama membincangkan penulisan yang terdapat pada warkah Melayu', lantaran ia adalah 'panduan penulisan yang terhasil berabad-abad lamanya dan masih boleh diasosiasikan dalam masyarakat'.

Pandangan bahawa ilmu penulisan surat ini ‘sekadar warisan tinggalan sejarah’ dan ‘cenderung relevan hanya kepada golongan pemerintah sahaja’ tidak harus dipegang. Salmah Jan juga menegaskan warkah Melayu termasuk warkah diraja harus diberi perhatian; ‘perkara yang patut dilakukan ialah membuat penelitian terhadap aspek penyampaian dan mengeluarkan faedah daripadanya’.

Terdapat sepucuk warkah Baginda Omar yang menurut pemakalah tidak lewih atau tidak ada perkara-perkara kecil yang tidak diperlukan. Warkah sosial ini juga padat dalam menghantar makna luar dan dalam, sekaligus ikut memesankan kebaikan dan keburukan jika maksud yang dinyatakan Baginda Omar itu terabai. Warkah ini juga memiliki nahu Bahasa Melayu yang tidak bersalahan, menggunakan perenggan atau penggalan poin yang teratur di samping memuatkan kiasan. Surat tersebut juga menengahkan pembatas karangan yang sesuai. Manakala pembukaan dan penutup warkah dikarang dengan sederhana dan elok.

Surat itu ditulis oleh Baginda Omar kepada Encik Bujal, Setiausaha Sulit Sultan Ali Iskandar Shah ibni Sultan Hussein yang menginap di Muar dan bertarikh 9 Syawal 1265 Hijrah.

[qawl al haq
al wathik bi rabbi al wadüd al sultän
‘umar ibni al sultän ahmad al marhum sanah 1246

1. salāmullāh at tam wa ridwānuhu al awfar al ‘a’am serta titah daripada yang dipertuan terengganu kepada encik bujal yang telah [يغتله] ada menanggung
2. pekerjaan kampeni [cuêS] pada masa ini di dalam negeri singapura sa’ adahu’l llahu ta’ala sa’adah ad dārin allāh ta’ ālā wa ba’ dahu
3. daripada itu barang ta’arif jua kiranya encik bujal maka adalah kita nyatakan darihal kita setelah harablah akan [هاربلاكن] encik bujal boleh tolong
4. dari perkara cina yang menipu orang kita di singapura itu dengan mana2 jalan yang boleh jadi selesai darihal kita
5. sekali-kali tiada sayang akan wang sedikit itu tetapi sebab besar malu kita karna tiada dapat menolong daripada sahabat
6. handai yang telah kita harap akan dapat menolong daripadanya dari karna ini jadi tiada dapat kita mau hilangkan dia

7. perkara ini di dalam fikiran kita adapun daripada hukuman inggeris sudah kita ketahui masing-masing dengan pangkatnya dan afsirnya [افسيرث]
8. yang menjalankan hukuman perintahnya jadi tiada boleh bercampur gaul satu dengan lainnya tetapi jadi banyaklah cenderung [sic. cenderung] [E] hukumannya
9. kepada suka akan orang yang banyak tipu dayanya di dalam negeri syahdan jikalau tiada boleh selesai maka kita mintak encik bujal
10. ikhtiarkan suruh cina itu serta orang kita datang bersama-sama ke Pahang dan ke Terengganu dan Kelantan menerima wangnya di dalam
11. negeri itu kemudian boleh ia balik ke Singapura menanti akan wangnya yang dari sambas dan pontianak demikianlah adanya
12. telah harablah [هاربله] kita kepada encik bujal menolong ikhtiarkan seboleh-bolehnya
13. tersurat pada sembilan hari bulan shawāl pada hari Selasa pukul dua belas pada sanah

1265] (Raimy Ché-Ross 2017: 45–46).

Sebagai misalan, berdasarkan contoh surat di atas, pelajar boleh difahamkan dengan penggunaan kata maka sebagai satu kata kohesi atau penghubung. Menurut Muhammad Hisyam Haliah dan Ab. Razak Ab. Karim (2019) ‘penggunaan maka dalam wacana warkah sosial’ adalah bertujuan ‘untuk menjalinkan sesuatu perkara atau ayat menjadi satu urutan peristiwa yang menggambarkan sebuah fakta’. Justeru dalam hal ini penggunaan maka dalam surat Baginda Omar, sebagai misalan dalam penggalan ayat; ‘barang ta’arif jua kiranya encik bujal maka adalah kita nyatakan darihal kita’ atau, ‘jikalau tiada boleh selesai maka kita mintak encik bujal ikhtiarkan’.

Kealpaan dalam soal memahami surat diraja ini tidak harus dipandang ringan. Dalam sepucuk surat pembaca kepada akhbar digital Utusan Malaysia berkenaan hal ini sebenarnya perlu diberi perhatian dan menunjukkan penghakisan rasa hormat serta kepongahan rakyat. Pembaca Zulkifli Jalil (2021) menyatakan dalam hal penzahiran rasa dukacita Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri’ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkaitan pengumuman pembatalan Ordinan Darurat di parlimen pada tahun 2021 yang telah disentuh lebih awal dalam makalah ini, ia hanya menunjukkan kejahilan pemimpin tertentu dengan

budaya dan adat istiadat Melayu. Menurut Zulkifli, ‘antara yang ‘menyentak’ orang Melayu adalah ‘jawab menjawab’ kerajaan terhadap Istana selepas dizahirkan rasa amat dukacita 29 Julai lalu’.

Zulkifli berpendapat hal ini terjadi kerana pengabaian aspek memahami warkah dan bahasa diraja; ‘pihak yang boleh dipersalahkan dalam hal-hal pengabaian bahasa ini adalah pihak berkuasa kementerian terbabit yang tidak lagi mengajar sosio budaya kepada anak murid. Guru pun sudah ‘tak reti’ nak berbahasa. Ini besar risikonya’. Berdasarkan poin-poin di atas adalah tidak keterlaluan untuk mencadangkan warkah sosial Baginda Sultan Omar ini untuk dibaca di peringkat sekolah menengah tinggi. Ia dapat membantu kefahaman mengenai penggunaan bahasa istana, karangan tinggi, dan juga penulisan warkah. Ini lantaran penekanan selama ini adalah lebih kepada penulisan surat rasmi dan tidak rasmi sahaja. Pembacaan warkah diraja juga membawa kepada kefahaman lebih mengenai aspek budaya, sejarah, dan adat istiadat Melayu.

KESIMPULAN

Seperti yang telah dibincangkan secara terperinci sepanjang makalah ini, warkah sosial milik Sultan Terengganu, Baginda Omar ini adalah sebuah khazanah bangsa dan negara yang penting. Surat Persendirian Baginda Omar ini disenaraikan di bawah *Memory of the World Committee for Asia and the Pacific (MOWCAP) Regional Register* suatu pengiktirafan tertinggi di peringkat Asia Pasifik bagi kategori manuskrip dan dokumentari warisan. Meskipun keseluruhan koleksi ini terdiri dari 55 pucuk surat asal dan satu pengisytiharan rasmi sepanjang (1844–1893) dalam sejarah Terengganu, makalah hanya melihat tujuh pucuk surat dan satu perutusan untuk diteliti. Makalah menyorot surat-surat persendirian ini sebagai ‘Karangan Tinggi’ menurut kerangka yang dikemukakan oleh Zainal Abidin Ahmad atau Za’ba seperti mana diketengahkan oleh beliau dalam *Ilmu Mengarang Melayu* (1934) di mana warkah dan perutusan di dalam khazanah Sultan Omar ini ditekuni berdasarkan pertama, persediaan isinya; kedua, rangka karangan; ketiga, pembatas karangan; dan akhir sekali menyorot pembuka dan penutup karangan. Semua perbincangan ini adalah bersandarkan koleksi terbitan Yayasan DiRaja Sultan Mizan yang disusun dan disunting oleh Raimy Ché-Ross. Pembacaan dekat terhadap surat yang dinukil oleh Baginda Omar mendapati salah

satu Surat Persendirian Baginda Omar ini boleh diperaga dan diangkat sebagai panduan ‘Karangan Tinggi’ untuk rujukan pengkaji, dan salah satu bahan bacaan pelajar sekolah menengah. Tambahan pula rujukan atau bacaan warkah diraja dalam subjek Bahasa Melayu dapat dikatakan tiada.

RUJUKAN

- Ab Razak Ab Karim. 2002. Warkah Raja-raja Melayu. Dalam *Warisan Manuskrip Melayu*, ed. Perpustakaan Negara Malaysia, 207–231. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Isnariah Idris, Khushairi Fadzal & Abdul Rashid Daing Melebek. 2017. Hati budi Melayu dalam warkah Melayu lama. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)* 4(2): 1-16.
- MalaysiaKini. 2021. Agong amat dukacita, Takiyuddin kelirukan Dewan Rakyat. *MalaysiaKini*, 29 Julai. <https://www.malaysiakini.com/news/585035> (diakses pada 12 Jun 2025).
- Muhammad Haji Salleh. 1997. Memperbaharui pengarang. Dalam *Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu*, ed. Perpustakaan Negara Malaysia, 183–210. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Muhammad Hisyam Haliah & Ab. Razak Ab. Karim. 2019. Kohesi dalam warkah sosial Melayu abad ke-17 hingga abad ke-19. *Jurnal Bahasa* 19(1): 139–168.
- Nurul Aisyah Abdullah, Zamri Mahamod & Nor Azwa Hanum. 2016. Faktor-faktor yang mempengaruhi penulisan karangan Bahasa Melayu pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)* 6(2): 1–9.
- Raimy Ché-Ross. 2017. *The Royal Letters of Baginda Omar: Sultan Terengganu Darul Iman IX Marhum Baginda (1806–1876) Volume II*. Kuala Terengganu: Yayasan Diraja Sultan Mizan.
- Riswadi Azmi, Mustaffa Abdullah, Zulkeefli Awang, Mohd Nurudin Puteh, Siti Sarah Izham & Mohd Farhan Md Ariffin. 2022. Sumbangan Sultan Omar (m. 1876) dalam penulisan manuskrip Quran Terengganu pada abad ke-19. *Journal of Al-Tamaddun* 17(1): 127–140.
- Salmah Jan Noor Muhammad. 2022. Warkah Melayu: Kuasa bahasa yang dilupakan. *Jendela DBP*, 30 Oktober. <https://dewanbahasa.jendeladbp.my/2022/10/03/5405/> (diakses pada 16 Jun 2025).
- Siti Zamrah Isa & Che Ibrahim Hj Salleh. 2014. Pemikiran Za’ba dalam membentuk jati diri Melayu. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 2(2): 21–29.
- Suryadi. 2007. Warkah-Warkah Sultan Buton Muhiyuddin Abdul Gafur kepada Kompeni Belanda, koleksi Universiteitsbibliotheek Leiden. *Sari* 25: 187–239.
- UNESCO. 2024. UNESCO’s Memory of the World (MOW) Regional Register inscribes 20 new items in recognition of human innovation and imagination in Asia-Pacific. *UNESCO Org*, 8 Mei. <https://www.unesco.org/en/articles/unescos-memory-world-mow-regional-register-inscribes-20-new-items-recognition-human-innovation-and> (diakses pada 23 Jun 2025).

Mohd Faizal Musa
Felo Penyelidik
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
Bangi, 43600
Selangor
E-mel: mfaizalmusa@ukm.edu.my

Yusniza Yaakub. 2014. Warisan kenangan pendeta: Penelitian aspek bahasa dalam warkah-warkah koleksi peribadi Za'ba. *23rd International Conference of Historians of Asia 2014 (IAHA2014)*, 23–27 Ogos. Alor Setar.

Zainal Abidin Ahmad. 2002. *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zulkifli Jalil. 2021. Bila berbalas warkah dengan raja. *Utusan Malaysia*, 29 Ogos. <https://www.utusan.com.my/terkini/2021/08/bila-berbalas-warkah-dengan-raja/> (diakses pada 16 Jun 2025).